



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	4/11/2019	MUKA SURAT : 50
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Padah miliki organ harimau belang

Kota Bharu: Perbuatan seorang penjawat awam memiliki dan menyimpan organ harimau belang mengundang padah selepas ditahan dalam serbuan di sebuah rumah di Bunut Perol, Nilam Puri, di sini, kelmarin.

Dalam serbuan jam 12.30 tengah malam itu, lelaki berusia 52 tahun itu ditahan hasil maklumat risikan yang dilaksanakan melalui operasi khas, Ops Bersepadu Khazanah.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasnuddin Hassan, berkata dalam serbuan itu, polis menemui kulit kepala harimau belang yang dikeringkan, satu kuku harimau, dua gigi taring dan satu keping kulit harimau dalam rumah berkenaan.

"Hasil siasatan awal tidak menolakan kemungkinan kesemua organ itu diperolehi daripada ekor harimau belang dipercayai untuk kegunaan sendiri.

"Penjawat awam terbabit kini disiasat mengikut Akta Pemeliharaan Hiduppan Liar 2010 yang memperuntukkan denda tidak kurang RM100,000 atau penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di sini semalam.

Hasnuddin sebelum itu melaksanakan Majlis Serah Terima Tugas Ketua Cawangan Khas IPK Kelantan daripada Asisten Komisioner Daud Omar kepada Asisten Komisioner Jalaluddin Hamid dan Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kelantan daripada pemangkuanya, Deputy Superintendan Wan Zulfitri Wan Othman ke pada Superintendan Mohd Zamri Mohd Rowi.

Sementara itu, Hasnuddin berkata, dua lelaki warga tempatan turut ditahan, masing-masing di Pasir Mas dan Tumpat, pada 26 Oktober lalu sebelum menemui gading serta gigi gajah.

"Kita menasihatkan orang ramai supaya menyalurkan maklumat kepada polis jika ada di sekitar mereka yang menyimpan khazanah hutan itu. Kita turut meminta orang ramai supaya tidak menyimpan apa-apa organ hidupan liar tanpa kebenaran dan terbabit kegiatan pemburuan harimau.

"Jangan nodai khazanah alam dan diharap kita sama-sama menjaganya. Setakat ini, kegiatan pemburuan harimau di negeri ini masih terkawal dan ia adalah kes terencil," katanya.



Hasnuddin menunjukkan gambar anggota harimau belang yang dirampas pada sidang media di Kota Bharu, semalam. [Foto Zaman Hun Isa/BH]